

# Perundangan lindungi warga emas

*Terdapat banyak kes pengabaian dan penderaan berlaku terhadap warga emas*

TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN

SERDANG

K eperluan perundangan melindungi hak warga emas dalam isu pengabaian dan penderaan akan dibentangkan di Parlimen pada awal 2021.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, ia berikutan terdapat banyak kes pengabaian dan penderaan berlaku terhadap golongan berkenaan.

“Kemungkinan besar banyak lagi kes yang berlaku tetapi tidak dilaporkan,” katanya.

Menurutnya, Universiti Ma-



Dr Wan Azizah (dua dari kiri) beramah mesra dengan warga emas ketika melawat My Ageing Cares Daycare Centre pada majlis perasmian Kompleks Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia di UPM, Serdang semalam.

laya (UM) telah dilantik oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk melaksanakan

kajian tersebut dalam tempoh 15 bulan.

“Hasil utama kajian adalah ruang undang-undang warga

emas yang dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada awal 2021.

“KPWKM juga sedang

menjalankan kajian diagnostik dan pembentukan model penjagaan jangka panjang warga emas yang mampan serta bersepadu.

“Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah dilantik menjalankan kajian tersebut selama 18 bulan dan dijangka berakhir pada November 2020,” katanya selepas merasmikan Kompleks Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Hadir sama ialah Naib Canselor UPM, Professor Dr Aini Ideris.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, MyAgeing akan menjadi pusat latihan penjagaan warga emas bertauliah pertama di Malaysia menjelang akhir 2020.

Menurutnya, MyAgeing mewarkan latihan berasas Bahan Pembelajaran Bertulis mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.